

ANTARA produk berasaskan mengkuang yang dipamerkan pada program TIKAR di ibu negara baru-baru ini.



Terima pengiktirafan antarabangsa

LUTUSAN

MALAYSIA

27/2/2017 P.20

SELAIN berjaya memberi impak kepada komuniti tempatan dari segi nilai inovasi reka bentuk, warisan kemahiran dan meningkatkan ekonomi masyarakat setempat, projek TIKAR turut berjaya mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.

Menurut **Prof. Dr. Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman**, inovasi mengkuang yang dihasilkan dalam reka bentuk perabot telah berjaya menerima anugerah khas dalam KSDS International Invitation Exhibition 2016 di Korea Selatan baru-baru ini.

“Secara tidak langsung, pencapaian yang diterima itu telah membuka lebih banyak peluang khususnya bagi pihak yang terlibat dalam projek Tikar untuk menghasilkan lebih banyak inovasi berasaskan mengkuang dalam reka bentuk perabot.

“Sehingga kini, kami telah menerima banyak permintaan khususnya permintaan

dalam bagi produk-produk berasaskan mengkuang. Disebabkan adanya permintaan, kami akan bergabung bersama-sama syarikat tempatan untuk mengeluarkan lebih banyak perabot TIKAR,” katanya.

Katanya, penglibatan komuniti sangat diperlukan agar projek ini tidak terhenti begitu sahaja. Justeru, UPM akan membantu komuniti dari segi idea, teknologi dan inovasi untuk mengeluarkan lebih banyak produk yang lain daripada yang lain.

“Kita mahukan reka bentuk perabot berasaskan mengkuang diberi suntikan dan nafas baharu agar ia dapat menonjolkan identiti Malaysia.

“Dalam masa yang sama, kami juga sedang berusaha dari segi pemasaran dan penjenamaan untuk menjadikan Tikar sebagai entiti perniagaan yang boleh dibanggakan sehingga peringkat antarabangsa,” katanya.